

MMA gesa sekat kehilangan tenaga kerja kesihatan

September 1, 2026 @ 4:39pm



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mahu kerajaan menumpukan usaha menghentikan kehilangan tenaga kerja kesihatan melalui laluan kenaikan pangkat pakar lebih kukuh dan berasaskan merit dalam Belanjawan 2027 bagi sektor kesihatan di negara ini.

Presidennya, Datuk Dr R Thirunavukarasu, berkata langkah itu adalah antara tiga perkara yang perlu diberikan perhatian dalam Belanjawan 2027.

Katanya, kerajaan juga perlu menghapuskan halangan yang mendorong doktor meninggalkan sistem.

Beliau berkata, langkah itu penting berikutan peletakan jawatan pakar meningkat sebanyak 57 peratus dari tahun 2019 hingga 2023 dan Malaysia kini mengalami kekurangan hampir 11,000 pakar, manakala kadar kekosongan jawatan jururawat adalah sekitar 18 peratus.

Beliau berkata, hanya 529 daripada 5,000 jawatan latihan siswazah yang ditawarkan pada Januari 2026 berjaya diisi.

Katanya, data dibentangkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Parlimen turut menunjukkan kekosongan jawatan di Kementerian Kesihatan (KKM) meningkat daripada 10,419 pada tahun 2017 kepada 54,362 pada tahun 2024, manakala kadar pengisian jawatan menurun daripada 96 kepada 83 peratus.

"Malah, sejak 2019 hingga 2023, seramai 3,494 doktor meninggalkan KKM, termasuk 2,385 pegawai perubatan dan 1,109 pakar.

"Mewujudkan jawatan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah ini. Kita mesti menjadikan sistem kesihatan awam cukup menarik supaya tenaga kerja kesihatan mahu menyertai, kekal dan membina kerjaya mereka dalam sistem ini.

"Pelantikan tetap adalah penting, tetapi jawatan tetap sahaja tidak mencukupi. Tenaga kerja kesihatan juga memerlukan laluan kerjaya yang jelas, pengiktirafan yang adil, keadaan kerja yang munasabah dan keyakinan perkhidmatan mereka dihargai," katanya melalui kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Kementerian Kewangan (MOF) dalam Kenyataan Prabelanjawan 2027 menyatakan Belanjawan 2027 akan dirangka berpanduan 10 bidang tumpuan yang berteraskan tiga tonggak Ekonomi MADANI serta keutamaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), dengan rakyat kekal menjadi keutamaan merentasi semua bidang.

MOF dilaporkan berkata, setiap dasar, ikhtiar dan peruntukan akan memberi tumpuan kepada manfaat nyata untuk rakyat, termasuk meringankan beban sara hidup, meningkatkan pendapatan, membuka peluang pekerjaan berkualiti serta menjamin kehidupan lebih bermaruah.

Pada masa sama, Dr Thirunavukarasu berkata, keutamaan kedua yang diperjuangkan MMA melalui Belanjawan 2027 ialah pengukuhan rangkaian saringan kesihatan negara dengan memastikan rawatan, pemantauan dan kesinambungan penjagaan kesihatan pesakit.

Beliau berkata, keutamaan ketiga yang MMA mahukan ialah pembangunan sektor penjagaan kesihatan swasta sebagai rakan strategik KKM.

"Malaysia kehilangan pakar lebih pantas berbanding kemampuan untuk menggantikan mereka, kesan serta-merta ialah kekosongan penjawatan.

"Kesan yang lebih mendalam ialah kehilangan pakar kanan yang melatih, menyelia dan membimbing generasi seterusnya.

"Apabila seorang pakar kanan meninggalkan sistem, negara bukan sahaja kehilangan seorang doktor. Kita kehilangan pengalaman klinikal, pengetahuan institusi dan keupayaan kapasti latihan yang dibina bertahun-tahun," katanya.

Dr Thirunavukarasu berkata, MMA sudah membentangkan pendirian kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Parlimen awal Ogos lalu dalam sesi libat urus Belanjawan 2027 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, MMA turut membawa cadangan itu dalam sesi libat urus Belanjawan 2027 KKM yang dipengerusikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"MMA membangkitkan kebimbangan ini secara konsisten melalui saluran sewajarnya. Ketika mesyuarat berlangsung untuk memuktamadkan Belanjawan 2027, inilah masanya untuk membuat keputusan yang akan menentukan sama ada Malaysia mampu mengekalkan tenaga kerja kesihatannya atau terus kehilangan mereka," katanya.